



*Anugerah*  
Perkhidmatan Cemerlang &  
Pingat Perkhidmatan Cemerlang

*Juara Keseluruhan*  
Dan Penarafan Emas Konvensyen KIK  
Malaysia 2022

Pelaksanaan  
Audit Dalaman

Pengalaman  
PhD Di Jepun

## Kandungan

- 4 **PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN**  
MS ISO 9001:2015 UTaM BAGI TAHUN 2023
- 6 **JUARA KESELURUHAN DAN PENARAFAN EMAS**  
DALAM PENYERTAAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF MALAYSIA 2022 ROAD TO BEIJING SIRI 2 : ICQCC 2023
- 8 **PERSEMBAHAN PENGURUSAN KIK**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA TAHUN 2023
- 11 **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG**  
APC & PPC TAHUN 2022
- 14 **ANUGERAH JASA BAKTI**  
AJB TAHUN 2023
- 15 **PENGALAMAN PhD DI JEPUN**
- 19 **LAPORAN UNIT KEBAJIKAN STAF 2023**  
PEJABAT PENDAFTAR
- 26 **AKTIVITI PEJABAT KESELAMATAN 2023**  
PEJABAT PENDAFTAR
- 29 **PELANTIKAN PENSYARAH UNIVERSITI**  
GRED DS45 DAN DS51 (TETAP/KONTRAK) TAHUN 2023
- 30 **AKTIVITI KELAB STAR**  
KELAB STAF PEJABAT PENDAFTAR

## Sekapur Sireh

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Segala puji ke hadrat Allah S.WT. kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin TERAS edisi tahun 2023. Tahniah saya ucapkan kepada warga sidang redaksi Buletin TERAS kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran tahun ini.

Buletin TERAS diterbitkan bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada seluruh warga Universiti khususnya berhubung pelaksanaan aktiviti, program dan maklumat pentadbiran dan perkhidmatan selain penyaluran maklumat melalui Laman Web Pejabat Pendaftar. Penerbitan Buletin TERAS ini juga selaras dengan keperluan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan bagi memastikan pemantapan tadbir urus Universiti. Selain itu, saya turut menghargai dan mengalu-alukan semua pihak untuk memberikan maklum balas agar budaya penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan dapat direalisasikan.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited memberikan perkhidmatan terbaik dan terus cemerlang dalam meningkatkan tahap kualiti pengurusan tadbir urus bagi memenuhi kepuasan pemegang taruh. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi TERAS. Kepada pembaca Buletin ini, semoga beroleh manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

**Masdzarif bin Mahat**  
Ketua Pegawai Operasi

## Sidang Redaksi

### **PENAUNG**

Masdzarif bin Mahat

### **KETUA EDITOR**

Siti Norani binti Dolah

### **EDITOR**

Zulaikha binti Md Radzai

### **PEMBACA PRUF**

Elfa Laily binti Mohd Tahir @  
Mohd Ramli

### **SIDANG REDAKSI**

Ani binti Jaffri  
Nurayuni binti Mahabib  
Anuarrudin bin Md Soom  
Sharifah Intan binti Osman  
Mohd Suhairi bin Mohd Saad  
Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

### **PENULIS**

Ani binti Jaffri  
Masliana binti Razali  
Zulaikha binti Md Radzai  
Raimi Humaira binti Rabu  
Suhada Syaza binti Safiee  
Mohd Faisal bin Abu Bakar  
Adi Faisal bin Abdul Rahman  
Noor Saffreena binti Hamdan  
Muhamad Hazrul bin Md Esa

## Editorial

*Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya Buletin TERAS edisi 2023 berjaya dihasilkan. Ia bukan sesuatu yang mudah, memerlukan iltizam serta menuntut komitmen yang tinggi untuk menghasilkannya. Seringkali terganggu dek tuntutan tugas hakiki yang tak pernah putus-putus menjengah dan menuntut disegerakan, namun demi merealisikannya digagahkan juga keringat ini untuk menjayakannya.

Izinkan saya panjangkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Buletin TERAS. Buletin yang menyajikan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang telah menyumbang pelbagai artikel dan pengalaman yang diilhamkan serta disalurkan melalui ruang ini.

Buletin ini merupakan satu medium untuk semua staf Pejabat Pendaftar menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan khususnya tentang pelaksanaan program/aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM.

Akhir kata penyimpul bicara, besarlah harapan saya agar Buletin TERAS dapat memberi manfaat untuk semua pembaca. Berjumpa lagi di keluaran akan datang dengan paparan yang lebih menarik dan semoga lebih ramai yang akan tampil untuk menyumbangkan karya.

Sekian, terima kasih.

**Siti Norani binti Dolah**

Ketua Editor

Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Info

# PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN

## MS ISO 9001:2015 UTeM BAGI TAHUN 2023

AUDIT DALAMAN 2023

Bahagian Sumber Manusia (BSM)  
Bahagian Pembangunan Bakat (BPB)  
Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)



Disediakan oleh: Masliana binti Razali

Pejabat Pendaftar, 11 April 2023 - Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 UTeM bagi tahun 2023 telah dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko (PPSKR). Audit ini dijalankan pada setiap tahun bertujuan untuk memastikan Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan di UTeM mematuhi keperluan Pensijilan Standard MS ISO 9001:2015.



## Info

20 Proses Kerja di Pejabat Pendaftar yang terdapat di bawah ISO Universiti seperti di berikut :-

PROSES KERJA	
<b>BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)</b>	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (BPA)</b>
UTeM(ISO)/PS/PK04 Pengambilan Pensyarah Sambilan	UTeM(ISO)/PP/PK07 Penyediaan Kalendar Akademik
UTeM(ISO)/PEND/PK01 Pengambilan Dan Penempatan Staf	UTeM(ISO)/PP/PK09 Pendaftaran Pelajar Baharu
UTeM(ISO)/PEND/PK02 Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran	UTeM(ISO)/PP/PK10 Pendaftaran Kursus
UTeM(ISO)/PS/PK03 Kenaikan Pangkat Jawatan Pensyarah	UTeM(ISO)/PP/PK11 Penyediaan Jadual Peperiksaan
UTeM(ISO)/PEND/PK03 Pengurusan Pencen Staf Bagi Persaraan Wajib	UTeM(ISO)/PP/PK12 Percetakan Kertas Soalan Peperiksaan Akhir
UTeM(ISO)/PEND/PK05 Pengurusan Pencen Staf Bagi Persaraan Pilihan	UTeM(ISO)/PP/PK13 Pengurusan Peperiksaan Akhir
UTeM(ISO)/PEND/PK06 Pengurusan Pengesahan Perkhidmatan Staf	UTeM(ISO)/PP/PK16 Pengurusan Rekod Pelajar
UTeM(ISO)/PEND/PK07 Pengurusan Peperiksaan Perkhidmatan Staf	UTeM(ISO)/PP/PK17 Permohonan Berhenti Dari Pengajian
UTeM(ISO)/PEND/PK08 Pengurusan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan	UTeM(ISO)/PP/PK18 Penyediaan Jadual Waktu Kuliah
<b>BAHAGIAN PEMBANGUNAN BAKAT (BPB)</b>	UTeM(ISO)/PP/PK19 Pengeluaran Keputusan Peperiksaan
UTeM(ISO)/PEND/PK09 Pengurusan Latihan Staf	

Pasukan Audit telah diketuai oleh Ts. Dr. Mohamad Fani Bin Sulaima selaku Ketua Auditor dibantu oleh 4 Juruaudit iaitu Dr. Hyreil Anuar bin Kasdirin, Dr. Zulisman bin Maksom, Encik Nur Muhamad Firdaus bin Nor Azman dan Encik Zaidi bin Saad.

Mesyuarat Pembukaan Audit telah dipengerusikan oleh Puan Siti Norani binti Dolah, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar dan

dihadiri oleh Pemilik Proses Kerja, Juruaudit dan Ketua-Ketua Bahagian di Pejabat Pendaftar.

Ucapan terima kasih diucapkan kepada barisan Juruaudit Universiti dan semua staf di Pejabat Pendaftar yang telah memberi kerjasama dan komitmen sepenuhnya. Semoga dengan pelaksanaan Audit Universiti ini dapat menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti.

Info

# JUARA KESELURUHAN DAN PENARAFAN EMAS

DALAM PENYERTAAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF MALAYSIA 2022 ROAD TO BEIJING SIRI 2 : ICQCC 2023



21 MAC 2023

Disediakan oleh: Zulaikha binti Md Radzai

Di Hotel Swiss-Garden Bukit Bintang, Kuala Lumpur anjuran QKM Consults Sdn Bhd.



Pejabat Pendaftar selaku sekretariat Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti ingin mengucapkan TAHNIAH kepada empat (4) Kumpulan KIK UTeM yang telah berjaya menerima PENARAFAN EMAS dalam penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Malaysia 2022 *Road To Beijing Siri 2 : ICQCC 2023* yang telah berlangsung pada 20 - 21 Mac 2023 bertempat di Hotel Swiss-Garden Bukit Bintang, Kuala Lumpur anjuran QKM Consults Sdn Bhd. UTeM telah diwakili oleh empat (4) Kumpulan KIK iaitu:

- i. OMS!FKEKK (FKEKK),
- ii. The Fame Game (FKP),
- iii. Brave To Change (FKM) dan
- iv. PLH Variant (Perpustakaan Laman Hikmah).

## Info

Tahniah dan Syabas kepada Kumpulan THE FAME GAME dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang telah berjaya menerima **Penarafan Emas 3 Bintang** dan menjadi **Johan Kategori Sektor Awam Persekutuan** dan **Johan Keseluruhan**.



### Hadiah Kemenangan

Penarafan Emas 3 Bintang - RM300  
Johan Kategori Sektor Awam Persekutuan - RM1,000  
Johan Keseluruhan - RM1,500

Tahniah dan Syabas kepada Kumpulan OMS!FKEKK, Brave To Change dan PLH Variant yang telah berjaya menerima **Penarafan Emas 2 Bintang**.



### Brave To Change

dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Penarafan Emas 2 Bintang - RM200



### OMS!FKEKK

dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer

Penarafan Emas 2 Bintang - RM200



### PLH Variant

Perpustakaan Laman Hikmah

Penarafan Emas 2 Bintang - RM200

Tahniah diucapkan kepada ahli Kumpulan KIK UTeM di atas pencapaian tersebut dan semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat kepada semua warga UTeM untuk mengeluarkan idea kreatif dan inovatif bagi melahirkan lebih banyak KIK UTeM yang baharu.

Semoga kumpulan KIK UTeM meneruskan kecemerlangan dalam sama-sama melaksanakan projek KIK yang menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri dalam menghasilkan projek-projek inovatif yang berimpak tinggi.

Info

# PERSEMBAHAN PENGURUSAN KIK

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
TAHUN 2023

23 MEI 2023 (SELASA)

Masa : 8:00 pagi hingga 2:00 petang

Tempat : Dewan Auditorium, Aras 3  
Bnagunan Canselori



Disediakan oleh: Zulaikha binti Md Radzai

Penganjuran Persembahan Pengurusan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UTeM tahun 2023 telah diadakan dengan jayanya. Terdapat tujuh (7) kumpulan KIK UTeM telah membuat membentangkan projek dengan diadili oleh enam (6) orang Panel Penilai yang terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM, iaitu YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi selaku Ketua Panel.

Panel Penilai yang lain adalah:

1. Puan Sabarina binti Abdullah, Bendahari.
2. Puan Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan.
3. Prof. Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani, Ketua Pegawai Maklumat.
4. Prof. Ir. Dr. Hambali bin Aref @ Ariff, Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
5. Prof. Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid, Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan.

## Info

Penganjuran Persembahan Pengurusan KIK UTeM ini bertujuan untuk:

1. Melihat cadangan projek yang dikemukakan oleh kumpulan dan seterusnya memberi khidmat nasihat untuk memperbaiki projek.
2. Memperkenalkan sistem dan cara kerja baharu yang dijangka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan penyampaian Universiti melalui idea-idea inovatif dan kreatif staf dari pelbagai peringkat.
3. Mencari wakil kumpulan KIK teknikal dan pengurusan bagi mewakili Universiti.
4. Membuka minda warga UTeM bahawa kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan serta menggalakkan warga UTeM berfikir di luar kotak iaitu cara berfikir dengan menggunakan perspektif baharu yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama.
5. Menanamkan budaya kerja yang sentiasa mementingkan penjimatan, penjanaan, kekemasan dan sistematik selain memupuk semangat kerja berkumpulan.

Terdapat tujuh (7) kumpulan yang bertanding iaitu:

1. **SMARTSOULS** dari Pejabat Pendaftar
2. **SUI GENERIS** dari Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan
3. **TECH TEAM** dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
4. **ALPHA** dari Perpustakaan Laman Hikmah
5. **FAST LANE** dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik

6. **AUXI TECH** dari Pejabat Keselamatan, Pejabat Pendaftar
7. **TECH MEISTER** dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan





Info

# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG

APC & PPC TAHUN 2022



Disediakan oleh: Suhada Syaza binti Safiee

Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin telah menyampaikan APC kepada seramai 152 orang penerima anugerah dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Anugerah Sanjungan Universiti 2022 yang telah diadakan pada 10 Ogos 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal.

## PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) merupakan pingat yang dianugerahkan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

## Info

Pengurusan Universiti telah bersetuju mencalonkan empat (4) orang staf bagi Pingat Perkhidmatan Cemerlang untuk perakuan penganugerahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu:



YBHG. PROFESOR MADYA DATUK  
DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF



IR. TS. DR. FAUZI BIN AHMAD



DR. FADHILAH BINTI SHIKH ANUAR



TS. DR. MOHAMAD FANI BIN SULAIMA

### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil. 4/2023 yang telah bersidang pada 5 Julai 2023, mesyuarat telah bersetuju dengan kuota pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu 8% berdasarkan kepada pencapaian prestasi PTj masing-masing.

## Info

Pemberian kuota di setiap PTj adalah bergantung kepada prestasi PTj tersebut dalam mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) pada tahun yang dinilai.

Selain daripada itu, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 diberikan mengikut Pusat Tanggungjawab dan Gred Kumpulan Perkhidmatan supaya taburan pemberian anugerah ini lebih seimbang dan adil merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang terdapat di Pusat Tanggungjawab terbabit.

Staf yang layak diberi APC adalah semua staf yang dilantik secara tetap atau kontrak dan telah berkhidmat setahun pada hari terakhir tahun penilaian. Staf layak dipertimbangkan pemberian APC apabila staf memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) 85% dan ke atas serta bebas dari tindakan tatatertib dalam tahun yang dinilai. Staf yang menerima APC akan diberi insentif seperti berikut: -

1 Sijil Perkhidmatan Cemerlang

2 Sijil Simpanan Premium (BSN) bernilai RM1,000.00

3 Diberi peluang dalam pencalonan menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri

### APC KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

- 1 YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
- 2 Prof. Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff  
Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko
- 3 Ir. Dr. Mohd Rayme bin Anang Masuri  
Pengarah, Pejabat Pengurusan Pembangunan

### APC PUSAT TANGGUNGJAWAB

1. Canselori - 8 orang
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) - 4 orang
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) - 3 orang
4. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) - 9 orang
5. Pejabat Pendaftar - 12 orang
6. Pejabat Bendahari - 8 orang
7. Perpustakaan Laman Hikmah - 4 orang
8. Pejabat Ketua Pegawai Maklumat - 7 orang
9. Pusat Pengajian Siswazah - 1 orang
10. Fakulti Kejuruteraan Elektrik - 9 orang
11. Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer - 8 orang
12. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal - 8 orang
13. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan - 7 orang
14. Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi - 11 orang
15. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan - 4 orang
16. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik - 14 orang
17. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan - 13 orang
18. Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan - 2 orang
19. Pusat Pembelajaran Bahasa - 2 orang
20. Pusat Islam - 1 orang
21. Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko - 1 orang
22. Pejabat Pengurusan Pembangunan - 3 orang
23. Pejabat Pengurusan Fasiliti - 11 orang
24. Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka - 1 orang
25. Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (CRIM) - 1 orang

Info

# ANUGERAH JASA BAKTI

## AJB TAHUN 2023



Disediakan oleh: Ani binti Jaffri

Seramai 165 orang staf telah diberikan penganugerahan Anugerah Jasa Bakti (AJB) bagi tahun 2023 semasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti Tahun 2023 yang telah diadakan pada 10 Ogos 2023 bertempat di Dewan Canselor, UTeM.

Anugerah ini diberikan di atas perkhidmatan staf bagi tempoh genap dua puluh (20) tahun penuh dengan kerajaan tanpa mengambil kira cuti tanpa gaji dan tanpa terputus perkhidmatan termasuklah tidak kurang lima (5) tahun berkhidmat di UTeM. Sebagai pengiktirafan dan penghargaan, staf telah menerima Sijil Simpanan Premium (BSN) bernilai RM300.00 serta Sijil Anugerah Jasa Bakti.

Jumlah penerima di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah seperti berikut:

1. Canselori - 5 orang
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) - 6 orang
3. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) - 4 orang
4. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) - 7 orang
5. Pejabat Pendaftar - 10 orang
6. Pejabat Bendahari - 4 orang
7. Perpustakaan Laman Hikmah - 8 orang
8. Pejabat Ketua Pegawai Maklumat - 7 orang
9. Pusat Pengajian Siswazah - 1 orang
10. Fakulti Kejuruteraan Elektrik - 12 orang
11. Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer - 11 orang
12. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal - 9 orang
13. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan - 5 orang
14. Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi - 23 orang
15. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan - 1 orang
16. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik - 12 orang
17. Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan - 5 orang
18. Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan - 2 orang
19. Pusat Pembelajaran Bahasa - 9 orang
20. Pusat Islam - 2 orang
21. Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko - 1 orang
22. Pejabat Pengurusan Pembangunan - 3 orang
23. Pejabat Pengurusan Fasiliti - 18 orang



# PENGALAMAN PhD DI JEPUN

Sejak tahun 2018, saya telah mendapat maklumat bahawa giliran cuti belajar saya akan jatuh pada tahun 2020. Semenjak itu, saya menyusun strategi untuk mendapatkan peluang terbaik kerana pembelajaran kali ini adalah pembelajaran terakhir saya secara formal. Saya mengimpikan untuk menyambung pelajaran di peringkat PhD di luar negara kerana ingin memberi pengalaman baru kepada suami dan anak-anak. Walau bagaimanapun, saya perlu berpijak di bumi nyata kerana untuk penajaan di luar negara, hanya QS Top 100 University di dalam dunia sahaja yang dibenarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



*Bergambar di Minakami Gunma*

## PENULIS:

Noor Saffreena binti Hamdan  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan  
Pembuatan (FTKMP)

## Coretan

Saya sering mendengar cerita bahawa perjalanan menyambung PhD bukan satu perjalanan yang mudah. Apatah lagi, saya turut mempunyai 3 cahaya mata yang masing-masing dalam fasa belum cukup matang untuk membuat semua urusan rumah sendirian. Menyambung pelajaran di *top 100 University*, di luar negara, bersama 3 anak kecil mungkin bukan lagi menjadi satu cabaran tetapi perjudian.

Tetapi itu tidak mematahkan semangat saya. Tahun 2019, saya cuba memohon biasiswa MEXT (Ministry of Education Japan) melalui Kedutaan Besar Jepun di Malaysia dengan harapan, saya tidak perlu memasuki *top 100 University* di dunia untuk mendapatkan tajaan belajar di luar negara. Malangnya, walaupun saya mendapat markah peperiksaan saringan yang tinggi, saya telah gagal di peringkat temuduga kerana kurangnya persediaan berkaitan universiti.

Secara jujur, saya telah menyenaraikan beberapa Universiti dan cuba mencari *supervisor* yang bersesuaian dengan tajuk cadangan saya tetapi, tiada balasan yang diterima. Pada Oktober 2019, melalui seorang kenalan, saya mendapat berita pembukaan peluang biasiswa MEXT melalui laluan di University of Tsukuba, dalam bidang kejuruteraan. University of Tsukuba merupakan Universiti ke 11 terbaik di Jepun mengikut data QS ranking 2019. Tanpa membuang masa saya cuba memohon dan Alhamdulillah pada Januari 2020, permohonan kemasukan ke



University of Tsukuba di bawah tajaan MEXT diterima. Keluarga saya juga turut menerima tajaan dari UTeM untuk turut serta ke Jepun, kerana saya berjaya memperolehi biasiswa penuh dari pihak luar. Malangnya, Mac 2020, pandemik melanda dunia dan menyebabkan saya terpaksa menanggung kemasukan ke Oktober 2020.



Pada mulanya, agak kekok untuk saya menyesuaikan diri, dengan keadaan pandemik di mana ada kalanya, anak-anak perlu belajar di rumah, sementara pengajian saya memerlukan saya menjalankan eksperimen di Universiti. Walaupun suami turut berada di Jepun bersama, pengajian anak-anak yang sepenuhnya di dalam Bahasa Jepun, memerlukan saya di sisi untuk membantu mereka memahami pelajaran dengan lebih baik. Untuk pengetahuan, saya mempunyai kelebihan berbahasa Jepun kerana pernah belajar di Jepun dari tahun 2007-2013.

Saya bersyukur kerana sistem pengurusan makmal di sini banyak memudahkan saya. Kami dibenarkan menggunakan makmal pada bila-bila masa termasuk hari cuti dan lewat malam. Pada kebanyakan masa,

eksperimen saya dijalankan pada waktu siang, dan adakalanya, apabila saya diperlukan di rumah untuk memantau anak-anak, saya akan ke makmal untuk menjalankan eksperimen pada waktu malam. Fasiliti di makmal juga, sangat membantu untuk saya memulakan kajian dengan lebih cepat, seusai tiba di Jepun, kerana mereka menggunakan konsep penyambungan kajian.

Kajian oleh *senior* terdahulu, akan di sambung oleh pelajar seterusnya tanpa memerlukan pembinaan alat eksperimen baharu. Kami hanya perlu mendalami tajuk tersebut dan mencari penemuan baru bagi menambah baik penemuan lama. Bagi saya ini salah satu sebab utama saya dapat memulakan kajian saya seurus tiba di Jepun.

## Coretan



Di Jepun juga, tiada *system proposal defense* seperti di Malaysia. Walaupun begitu, saya tetap perlu menyediakan perancangan secara kasar untuk dinilai oleh penyelia saya pada setiap awal semester. Kebiasannya perancangan ini lebih kepada eksperimen yang ingin di jalankan, dan persidangan yang ingin di sertai serta penerbitan yang berada dalam perancangan.

Kebanyakan makmal di Jepun, berada di bawah pengurusan satu atau dua Professor, di mana pelajar-pelajar Master dan PhD, ditempatkan di dalam satu bilik belajar yang sama. Di sini, kami sering bertukar pendapat berkenaan kajian kami, dan satu sesi perbincangan rasmi melibatkan semua pelajar diadakan seminggu sekali.

Dalam sesi perbincangan, pelajar akan bergilir-gilir berkongsi berkenaan kajian masing-masing. Ia sedikit sebanyak membantu saya dalam mendapatkan input

baharu melalui komen dan ulasan dari pelajar-pelajar lain. Saya juga dapat menguasai pelbagai alatan di makmal ketika bertugas sebagai pengurus makmal sekaligus membantu saya memvariasikan parameter di dalam kajian saya.

Alhamdulillah, berkat sokongan keluarga terutamanya suami, yang banyak membantu sepanjang saya menyempurnakan pengajian saya ini, saya telah lulus pembentangan akhir pada 28 Julai 2023. Seperti yang selalu diperkatakan pelajar PhD yg telah lulus, PhD ini bukanlah tentang apa yang kita usahakan tapi ia adalah rezeki dari Allah dalam bentuk yang berbeza bagi setiap dari kita.

Saya bersyukur diberi peluang oleh UTeM, dan mempunyai keluarga yang sama-sama menyokong dalam perjalanan ini dan penyelia yang sangat memahami. Terima kasih juga pada mantan Dekan FTKMP Profesor Madya Dr. Umar Al-Amani Azlan kerana banyak membantu dalam penyediaan dokumen penyokong bagi permohonan saya untuk sambung belajar.

Kepada rakan-rakan yang masih berusaha saya doakan dipermudahkan dan yang paling penting, tetapkan menjaga silaturrahim sesama manusia dalam kesibukan kita kerana mungkin ada doa-doa yang diangkat tanpa kita menyedarinya.



# LAPORAN UNIT KEBAJIKAN STAF 2023

## PEJABAT PENDAFTAR

15 FEBRUARI 2023

Majlis Penyerahan Peralatan  
Kemudahan kepada  
Encik Zulkifli bin Hanafi

Disediakan oleh: Raimi Humaira binti Rabu

Majlis Penyerahan Peralatan Kemudahan kepada Encik Zulkifli bin Hanafi ini telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM dan YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi.

Turut hadir Puan Nurlisa Loke binti Abdullah, Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB), Puan Nor Hazlen Niza binti Hussein, Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, En. Nawawi bin Muhamad, Penolong Pendaftar PPB dan Puan Siti Norani binti Dolah, Timbalan Pendaftar Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi (BGPO).



7 MAC 2023

## Ziarah Staf Kemalangan Jalan Raya

Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi (BGPO) bersama Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) telah menziarahi Encik Hamiddy bin Othman, Pembantu Awam, Pejabat Pengurusan Fasilitas di rumah beliau Kampung Duyung pada 7 Mac 2023.



Beliau terlibat dalam satu kemalangan dalam perjalanan hadir ke tempat kerja yang berlaku pada 24 Februari 2023. Ziarah ini diadakan untuk menzahirkan rasa keprihatinan warga Universiti dan didoakan semoga beliau cepat sembuh dan diberikan kesihatan seperti sediakala.



15 MAC 2023

### Kutipan Derma Kilat Untuk Rawatan Anak Staf

Dukacita dimaklumkan bahawa anakanda kepada Encik Mohd Yuszah bin Jailani, staf Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan juga Pn. Zubaidah binti Ab. Hamid, staf Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah disahkan menghidap kanser tulang.

Pelaksanaan kutipan derma kilat ini telah mendapat kelulusan YBhg. Naib Canselor. Tujuan derma kilat ini adalah bagi menunjukkan rasa keprihatinan dan kebersamaan warga UTeM terhadap ujian yang menimpa keluarga staf.

Tempoh kutipan derma kilat telah berlangsung dari 22 Februari 2023 hingga 14 Mac 2023.

Kutipan tunai yang terkumpul berjumlah RM1,910.00 dan kutipan atas talian melalui akaun BAKUTeM berjumlah RM2,390.00. Jumlah keseluruhan RM3,600.00.

Wang derma kilat tersebut telah diserahkan oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor dan YBr. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi kepada Encik Yuszah pada 15 Mac 2023 (Rabu) jam 3.00 petang di Pejabat Naib Canselor.



## Aktiviti

16 MAC 2023

### Seminar Akses Kepada OKU Penglihatan & Tidak Upaya Cetak Peringkat IPT

Seminar telah diadakan pada 16 Mac 2023 di Universiti Malaya dan dihadiri oleh Encik Zulkifli Hanafi dari Pusat Pembelajaran Bahasa, Encik Azly dari Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar serta Encik Arman dari Perpustakaan Laman Hikmah (PLH).

Seminar ini menyentuh berkaitan *Marrakesh Treaty* sebagai salah satu fasiliti untuk OKU Penglihatan.

Semoga fasiliti ini dapat diperluaskan di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT), agar dapat meningkatkan lagi capaian maklumat kepada warga OKU yg memerlukan.



## Aktiviti

### KAD MATRIK PELAJAR

## Pendaftaran Pelajar Pascasiswazah, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

Aktiviti mengambil gambar dan mencetak kad matrik pelajar yang mendaftar di UTeM bagi sesi pendaftaran telah diadakan seperti berikut:

**13 Mac 2023**


Pendaftaran pelajar Pascasiswazah Sesi 2 - 2022/2023

**19 Mac 2023**

Pendaftaran pelajar Ijazah Sarjana Muda Sesi 2 - 2022/2023

**31 Julai 2023**

Pendaftaran pelajar Diploma Sesi 2023/2024



# Aktiviti

## AMALAN HIDUP SIHAT

### Amalan Hidup Sihat Cara Rasulullah SAW



## AMALAN HIDUP SIHAT

### "Kalau Bukan Sekarang, Bila Lagi?" Saringan Kesihatan & Saringan Kanser Reproduksi

## AMALAN HIDUP SIHAT

### Bicara Amalan Hidup Sihat: Kanser Reproduksi



21 MAC 2023

## Talkshow@PLH Dan Bicara Amalan Hidup Sihat: Menangani Kos Sara Hidup: Kesan Dan Solusi

Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi (BGPO), Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menganjurkan program *Talkshow@PLH* & Bicara Amalan Hidup Sihat bertajuk “Menangani Kos Sara Hidup : Kesan dan Solusi” pada 21 Mac 2023, jam 9:00 pagi di Ruang Santai, Aras 2, Perpustakaan Laman Hikmah.

Program ini bertujuan untuk berkongsi informasi dan mengupas isu kewangan dan cara pengurusannya bagi meningkatkan kesedaran serta kefahaman kepada warga staf dan universiti serta masyarakat setempat mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang betul dan sejahtera.

Diharapkan program ini dapat memberi manfaat seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup staf universiti dan warganya sepanjang masa.

**“Jom Membudayakan Amalan Hidup Sihat”**



Aktiviti

# AKTIVITI

# PEJABAT KESELAMATAN 2023

PEJABAT PENDAFTAR

Disediakan oleh: Adi Faisal bin Abdul Rahman



15 APRIL 2023

## Majlis Moreh *Task Force Eagle* Bersama Ketua Pegawai Operasi

Pos Alpha Kampus Induk



Majlis Moreh *Task Force Eagle* bersama Ketua Pegawai Operasi telah diadakan bertempat di Pos Alpha Kampus Induk dan turut dihadiri oleh Pengarah Pejabat Keselamatan, Kapten Ahmad Shakir bin Yahaya (Bersara) serta Ketua Unit Keselamatan Kampus Teknologi, Insp/PB Akmal Arif bin Kamardin @ Kamarudin.

Ketua Pegawai Operasi, En. Masdzarif bin Mahat turut mengambil peluang menyampaikan cenderahati sumbangan BAKUTeM kepada Polis Bantuan dan Pengawal Keselamatan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri.



29 - 31 MEI 2023

## Penguken Teknik Siasatan Dalam Sektor Awam

Hotel Wembley - St. Giles Pulau Pinang



Julung kalinya PIPPA USM menganjurkan Kursus Penguken Siasatan Dalam Sektor Awam di Pulau Pinang. Kursus yang berobjektifkan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai agensi jabatan dalam mengesan salah laku yang berlaku di organisasi masing masing dan seterusnya menjalankan siasatan dalaman. Modul kursus ini disusun khas dan spesifik dengan elemen tatacara, protokol, SOP, TOR dan latihan praktikal siasatan dalaman bagi memastikan mereka yang menyalahguna kuasa dapat dibuktikan melalui siasatan yang teratur dan jitu. Kursus ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Zainal Rahim Bin Seman, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

## Aktiviti

26 MEI 2023

### Penyerahan Sijil Pelantikan Oleh Presiden Persatuan Polis Bantuan Malaysia (MAPA) Kepada Ahli Majlis Pentadbir (AMP)

UTM Hotel & Residence, Jalan Semarak  
Kuala Lumpur



10 JULAI 2023

### Cyber Defence & Security Exhibition And Conference 2023

MITEC, Kuala Lumpur



Expo dan pameran CYDES 2023 yang dianjurkan oleh Alpine Integrated Solution Sdn Bhd (Alpine) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) pada 10 Julai 2023 merupakan satu platform bagi mempamerkan kepakaran keselamatan, kaedah penyelesaian dan peralatan berteknologi bertujuan melindungi keselamatan siber masa kini dan masa depan.

Justeru, penglibatan Pejabat Keselamatan UTeM adalah bertepatan dengan sasaran dan objektif program dalam memastikan keselamatan kampus universiti sentiasa terpelihara.

# PELANTIKAN PENSYARAH UNIVERSITI

## GRED DS45 DAN DS51 (TETAP/KONTRAK) TAHUN 2023

Disediakan oleh: Mohd Faisal bin Abu Bakar

Pejabat Pendaftar telah menerima seramai 21 orang staf akademik bagi pelantikan sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 dan Pensyarah Universiti Gred DS51 (Tetap/Kontrak) bagi tahun 2023. Staf akademik tersebut telah ditempatkan di beberapa fakulti yang telah ditetapkan. Maklumat berkaitan adalah seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA	JAWATAN	FAKULTI	TARIKH MELAPOR DIRI	
1.	Dr. Tan Lay Hong	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Tetap)	Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawan	17/4/2023	
2.	Ameer Farhan Bin Mohd Arzaman	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)		17/4/2023	
3.	Nurul Ibtisyami Binti Yasin	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)		26/4/2023	
4.	Dr. Norhafizah Binti Mohamad Dasuki	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)		27/4/2023	
5.	Muhamad Amirul Bin Razali	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)		28/4/2023	
6.	Dr. Mohamed A. S. Doheir	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Kontrak)		4/7/2023	
7.	Dr. Mehran Doulatabadi	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Kontrak)		4/7/2023	
8.	Dr. Shamsul Faisal Bin Mohd Hussein	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan	27/4/2023	
9.	Ts. Dr. Sharif Bin Mohd Zaki	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Tetap)		27/4/2023	
10.	Dr. Abdulkabir Aliyu	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Kontrak)		26/7/2023	
11.	Nur Atikah Binti Arbain	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)		Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	17/4/2023
12.	Nor Farah Naquiah Binti Mohamad Daud	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)			17/4/2023
13.	Mohd Khalid Bin Mokhtar	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)			27/4/2023
14.	Ikmal Faiz Albakri Bin Mustafa Albakri	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)			28/4/2023
15.	Ts. Dr. Noorrezam Bin Yusop	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Tetap)	3/5/2023		
16.	Fathin Nabila Binti Md Leza	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Kontrak)	10/7/2023		
17.	Dr. Mohammed Nasser Mohammed Al-Andoli	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Kontrak)	1/8/2023		
18.	Nur Ezyanie Binti Safie	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Tetap)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik	12/4/2023	
19.	Nurul Syuhada Binti Mohd Shari	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Kontrak)		17/4/2023	
20.	Dr. David Ian Forsyth	Pensyarah Universiti Gred DS51 (Kontrak)		13/6/2023	
21.	Wirda Syaheera Binti Mohd Sulaiman	Pensyarah Universiti Gred DS45 (Kontrak)	Pusat Pembelajaran Bahasa	24/5/2023	

\* Data sehingga 1 Ogos 2023

Aktiviti

# AKTIVITI KELAB STAR

KELAB STAF PEJABAT PENDAFTAR

Disediakan oleh: Muhamad Hazrul bin Md Esa

12 APRIL 2023

## Rewang Bubur Lambuk dan Juadah Berbuka Ramadan

Pada 12 April 2023, Kelab STAR mewakili Pejabat Pendaftar telah diberikan slot bagi penyediaan Bubur Lambuk dan juadah berbuka puasa iaitu nasi putih, ikan goreng, sambal dan sayur campur. Aktiviti rewang tersebut telah diagihkan kepada beberapa kumpulan dan bermula seawal jam 8.30 pagi. Semua tugas penyediaan, memasak dan kebersihan telah dijalankan dengan kerjasama baik oleh ahli.



## Aktiviti

11 MEI 2023

### Khemah Mahabbah Aidilfitri UTeM

Kelab STAR diberikan tanggungjawab bagi menyediakan khemah Pejabat Pendaftar di majlis Mahabbah Aidilfitri UTeM 1444 Hijrah. Kali ini, juadah yang disediakan adalah Nasi Tomato. Turut disajikan adalah Pulut Kuning dan Rendang Daging. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam telah sudi singgah di khemah untuk memotong dan menjamah Pulut Kuning yang disediakan.



12 MEI 2023

### Jamuan Hari Raya Aidilfitri Pejabat Pendaftar 1444 Hijrah

Bertempat di Auditorium Canselori, jamuan hari raya Pejabat Pendaftar telah diadakan melibatkan semua staf Pejabat Pendaftar. Jamuan dimulakan dengan bacaan Surah Yasin diketuai oleh Ustaz Aswanzie Abbyd dari Pusat Islam. Acara diteruskan dengan sesi bergambar dan jamuan makan. Pelbagai juadah disediakan oleh staf.



## Aktiviti

8 JUN 2023

### Santai Santap Durian STARians

Bertempat di Ruang Legar Bahagian Pengurusan Akademik, satu jamuan ringkas kenduri durian telah diadakan. Memandangkan musim durian telah tiba, justeru Kelab STAR telah berbesar hati untuk menyediakan jamuan ringkas makan durian bagi menjamu semua warga kerja Pejabat Pendaftar. Majlis yang dijalankan cukup santai dalam suasana yang mesra dan gembira.



JULAI 2023

### Sumbangan Kebajikan

Pada 11 Julai 2023, bertempat di perkarangan Hospital Besar Melaka, YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM telah menyampaikan sumbangan ikhlas dari warga Pejabat Pendaftar kepada wakil Encik Zahruddin bin Othman.

Pada 31 Julai 2023, satu sumbangan ikhlas dari kalangan staf Pejabat Pendaftar telah diberikan kepada SJN/PB Roslan bin Sa'at bertempat di kediaman beliau. Sumbangan telah diserahkan bersama dengan Pengarah Pejabat Keselamatan, Kapten (B) Ahmad Shakir. Semoga semua penerima diberikan kesihatan dan dipermudahkan semua urusan.





28 OGOS 2023

## **Brisk Walk** Kemerdekaan Pejabat Pendaftar Bersama YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM

Satu aktiviti *Brisk Walk* telah dijalankan anjuran Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi dengan kerjasama Pejabat Keselamatan dan Kelab STAR Pejabat Pendaftar. Program ini telah dijayakan bersama dengan YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UTeM dan turut disertai oleh YBrs. Encik Maszarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi UTeM. *Brisk Walk* bermula dari Dataran Canselori sehingga ke puncak Bukit Satria dan kembali semula di Dataran Canselori. Bendera Malaysia telah dikibarkan di puncak Bukit Satria sebagai simbolik sambutan kemerdekaan 2023.

